



18 JAN, 2023

Jualan murah mulai 15 Jan Usaha stabilkan barang keperluan

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

Jualan murah mulai 15 Jan

Usaha stabilkan barang keperluan

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Jelajah Ehsan Rakyat (JER) fasa dua yang diteruskan minggu depan bertujuan menstabilkan pasaran barangan keperluan yang masih tidak menentu.

Dato' Menteri Besar berkata jualan murah yang bermula 15 Januari ini hasil kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Koperasi Warga Hijrah Selangor (KoHijrah).

"Kita akan teruskan JER sehingga Mac kerana saya tahu untuk stabilkan harga

dan bekalan itu mengambil masa.

"Perbezaannya kali ini kita jemput Ko-Hijrah dan Fama. Kita akan bergabung pada setiap jualan," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, beliau menyampaikan amanat tahun baharu 2023 di pusat pentadbiran negeri di sini pada 11 Januari.

Amirudin berkata melalui kerjasama berkenaan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKPS) menawarkan lebih banyak pilihan produk pada harga berpatutan.

Menurutnya, agensi itu juga sedang meneroka pasaran telur di Thailand bagi memenuhi permintaan bekalan

telur tempatan.

Jualan murah PKPS diteruskan bermula 15 Januari hingga Mac dengan 11 lokasi setiap hari berbanding sembilan sebelum ini.

Sebelum ini, jualan itu berjaya memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor melalui siri jelajah di 693 lokasi sekitar 56 Dewan Undangan Negeri (DUN).

Jelajah Ehsan Rakyat menawarkan ayam standard RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 per pek), minyak masak (RM25 sebotol) dan beras lima kg (RM10).



18 JAN, 2023

Jualan murah mulai 15 Jan Usaha stabilkan barang keperluan

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM - Jelajah Ehsan Rakyat (JER) fasa dua yang diteruskan minggu depan bertujuan menstabilkan pasaran barangan keperluan yang masih tidak menentu. Dato' Menteri Besar berkata jualan murah yang bermula 15 Januari ini hasil kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Koperasi Warga Hijrah Selangor (KoHijrah). "Kita akan teruskan JER sehingga Mac kerana saya tahu untuk stabilkan harga

dan bekalan itu mengambil masa. "Perbezaannya kali ini kita jemput Ko- Hijrah dan Fama.